

03/06/2002

PM selar hipokrasi Barat

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar sikap hipokrasi Barat yang kononnya mengamalkan kebebasan akhbar dan mengkritik negara lain termasuk Malaysia, dengan mendakwa kerajaan ini mengawal media massa tempatan.

Perdana Menteri berkata, hipokrasi itu jelas terutama selepas kejadian 11 September lalu, yang mana membuktikan Barat lebih lagi mengawal media massa mereka.

"Selepas kejadian 11 September, mereka (barat) juga cuba mengawal media mereka seperti memberi arahan untuk berhenti membuat laporan mengenai kegiatan Al-Qaeda. Kalau mereka (akhbar) itu bebas sangat, kenapa nak buat arahan ini.

"Bila kena batang hidung mereka, baru terasa. Inilah hipokrasi barat. Cuma di mulut saja mengatakan kebebasan akhbar tetapi ternyata, tidak," katanya ketika berucap pada Malam Wartawan Malaysia 2001 anjuran Institut Akhbar Malaysia (IAM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Turut hadir, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, timbalannya Datuk Khalid Yunus, Setiausaha Parlimen Datuk Zainuddin Maidin dan Pengerusi IAM Datuk Mazlan Nordin.

Dr Mahathir berkata, tidak benar wujud kebebasan akhbar mutlak kerana banyak pihak cuba mengawal media, termasuk kerajaan dan pengiklan.

"Kadang-kadang bila ada kuasa, datang keinginan untuk salah gunakan kuasa seperti membuat laporan yang mempunyai tujuan tertentu. Kadang-kadang tujuan itu baik tetapi kadang-kadang sebaliknya," katanya.

Perdana Menteri turut menegur sikap wartawan yang membuat laporan semata-mata untuk dikenali atau mengejar populariti.

"Kita rasa sedih kerana di negara kita, ada juga wartawan yang ingin membuat laporan untuk dikenali seperti menemuramah penjenayah. Jika kita buat penjenayah ini sebagai hero, ia akan mempengaruhi generasi muda.

"Laporan perlu dibuat untuk sedarkan rakyat dan bukan dijadikan contoh kepada pihak lain yang berminat untuk dikenali kerana melakukan jenayah," katanya.

(END)